

BEVARATE CREAM

Betamethasone valerate (0.1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Bevarate*
2. Bagaimana *Bevarate* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Bevarate*
4. Cara menggunakan *Bevarate*
5. Semasa menggunakan *Bevarate*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Bevarate*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Bevarate*

Ia digunakan untuk merawat dermatitis, ekzema dan keadaan keradangan kulit lain, di mana steroid adalah berkesan.

Bagaimana *Bevarate* berfungsi

Betamethasone valerate, sejenis steroid yang mempunyai sifat mengurangkan keradangan dan kegatalan. Ia disapu atas kulit untuk mengurangkan kemerahan dan kegatalan akibat daripada sesetengah masalah kulit.

Sebelum menggunakan *Bevarate*

- Bila tidak boleh menggunakan

- alahan terhadap betamethasone valerate, steroid lain dan ramuan-ramuan lain produk.
- jangkitan kulat sistemik
- jangkitan akut termasuk herpes zoster dan herpes simpleks
- ulser pada mata
- vaksinasi dengan virus hidup

- Sebelum menggunakan *Bevarate*

Jangan guna dekat dengan mata. Jangan balut bahagian yang dirawat kecuali diarahkan oleh doktor.

Berhati-hati jika terdapat jangkitan pada bahagian rawatan atau tuberkulosis kulit.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat ini adalah untuk kegunaan luar sahaja dan biasanya kurang kesan ke atas ubat ubat lain. Walaupun demikian, sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika sedang mengambil ubat-ubat lain.

Cara menggunakan *Bevarate*

- Berapa banyak harus digunakan

Disapu pada bahagian berkenaan 3 – 4 kali sehari, atau ikut arahan doktor.

- Bila perlu digunakan

Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu digunakan

Perlu mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi.

- Jika terlupa menggunakan

Guna sebaik sahaja teringat. Kemudian, seperti biasa.

- Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Jika terlebih dos, hubungi doktor, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Semasa menggunakan *Bevarate*

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang sedang diambil. Penggunaan jangka panjang harus dielakkan kerana ia akan menjadi lebih teruk sekiranya rawatan dihentikan secara tiba-tiba..

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat sebaik sahaja berasa lega selepas beberapa hari, sambung sehingga jangka rawatan selesai.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika hamil atau menyusukan anak, elak gunakan ubat kecuali atas arahan doktor. Elakkan penggunaan berlebihan dan berpanjangan jika hamil.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan lebih ketara jika digunakan bersama balutan. Penggunaan jangka panjang mungkin menyebabkan muka bengkak, kulit bertambah nipis cenderung lebam, pertumbuhan rambut muka, tanda regangan pada kaki, tangan, badan dan celah paha. Jika kesan sampingan menjadi serius atau tidak tertera dalam risalah ini, sila hubungi doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan *Bevarate*

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Jauhkan dari cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim warna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: betamethasone valerate
- Bahan tidak aktif: liquid paraffin, cetomacrogol emulsifying wax, white soft paraffin, chlorocresol, citric acid, sodium citrate dan air.

- Nombor MAL

MAL19890431AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

16/06/2017

Nombor siri

BPFK(R4/1)160617/00134